

TARIKH	19 / 6 / 2012	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	14	RUANGAN	Setempat

## Susulan wabak H1N1

# Tabung Haji ambil langkah waspada

**K**ANGAR: Lembaga Tabung Haji (Tabung Haji) dijangka mengambil langkah berwaspada termasuk kemungkinan mewajibkan seramai 28,000 bakal jemaah haji tahun ini untuk menerima suntikan vaksin wabak selesema babi atau influenza A (H1N1) berikutan penularan wabak berkenaan, baru-baru ini.

Timbalan Menteri Di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr Mashitah Ibrahim berkata, tindakan

berkenaan hanya akan dilaksanakan sekiranya berlaku jangkitan atau sukar dikawal sebelum kumpulan jemaah pertama berlepas ke tanah suci Makkah pada 17 September depan.

"Tabung Haji tidak boleh melaksanakan tindakan drastik dengan mewajibkan suntikan vaksin kepada bakal jemaah haji kerana situasi yang berlaku ketika ini masih terkawal dan percaya ia adalah kes terencil yang masih bo-

leh dibendung.

"Saya percaya keadaan ketika ini masih terkawal dengan langkah pencegahan drastik yang diambil Kementerian Kesihatan, namun Tabung Haji tetap mengambil tindakan berjaga-jaga bagi memastikan tahap kesihatan bakal jemaah haji berada dalam keadaan baik sebelum berangkat menunaikan ibadat berkenaan pada September ini," katanya, semalam.

Dr Mashitah berkata, se-

hingga kini Tabung Haji hanya mewajibkan suntikan vaksin meningitis di mana jemaah perlu mendapatkan suntikan itu di hospital kerajaan atau klinik yang disarankan.

Akhbar pada Jumaat lalu melaporkan, seramai 21 pelatih Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) Kem Dusun Resort Kampung Pisang, Jalan Padang Sanai, Kuala Nerang, Kedah dimasukkan ke hospital akibat jangkitan wabak H1N1.